



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIA SHIPPING NOTICE

MSN 12 / 2021

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ibu Pejabat, Jabatan Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3346 7777

Fax: 03-3168 5289

E-mail: kpgr@marine.gov.my

Website: <http://www.marine.gov.my>

COVID-19: DOKUMENTASI PENSIJILAN & LATIHAN PELAUT

COVID-19: SEAFARERS' DOCUMENTATIONS, CERTIFICATIONS AND TRAINING

Notis kepada pemilik kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan, Badan Yang Diiktiraf dan industri maritim.

Notice to ship owners, ship agents, Masters, seafarers, port operators, Recognized Organization and the maritime industry.

1. Notis ini menyatakan hal ehwal berkenaan ketetapan dan pelanjutan dokumentasi pelaut, mengambil kira kesulitan para pelaut memperbaharui pensijilan/latihan mereka di luar norma semasa pandemik COVID-19.

2. Butiran dokumentasi dan latihan pelaut yang dimaksudkan adalah pada **ANNEX I** di Notis ini.

3. Notis Perkapalan Malaysia (MSN) 21/2020 adalah dibatalkan.

4. Notis ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

1. *This Notice serves to address matters relating to seafarers' documentations requirements and extension due to the difficulties of seafarers to revalidate their certification/training during exceptional measures of COVID-19 pandemic.*

2. *The related seafarers' documentations and trainings particular are stated in **ANNEX I** of this Notice.*

3. *Malaysia Shipping Notice (MSN) 21/2020 is hereby revoked.*

4. *This Notice is effective from the date of its issuance.*

KETUA PENGARAH LAUT
6 DISEMBER 2021

DIRECTOR GENERAL OF MARINE
6 DECEMBER 2021

ANNEX 1

1. Tempoh Perjanjian Pengambilan Pekerja (SEA) setiap anak kapal mestilah tidak melebihi jumlah keseluruhan 11 bulan di atas kapal sedia ada. Perkara ini terpakai kepada:

1.1. Semua kapal bendera Malaysia; dan

1.2. Mana-mana kapal yang berada di perairan Malaysia.

2. Keterangan tentang pelanjutan **dokumentasi pelaut** adalah seperti berikut:

2.1. Kad Pelaut (SID)

SID sedia ada pelaut di atas kapal Malaysia dan SID pelaut Malaysia, akan diberikan pelanjutan secara automatik sehingga 3 bulan dari tarikh tamat tempoh yang asal, atau sehingga 28 Februari 2022, yang mana lebih lewat.

2.2. Sijil Pemeriksaan Kesihatan (MEC)

MEC sedia ada pelaut di atas kapal dan MEC pelaut Malaysia, kan diberikan pelanjutan secara automatik sehingga 3 bulan dari tarikh tamat tempoh yang asal, atau sehingga 28 Februari 2022, yang mana lebih lewat.

2.3. Perakuan Kekompetenan (COC)

Tarikh tamat tempoh COC pelaut Malaysia dilanjutkan secara automatik untuk tempoh 6 bulan, atau sehingga 31 Mei 2022, yang mana lebih lewat.

2.4. Perakuan Pengiktirafan (COR)

Proses pembaharuan COR akan mengikut tempoh COC/COE asal, atau mengikut tempoh lanjutan COC/COE yang telah diberikan oleh negara pengeluar, tidak melebihi 12 bulan.

1. *The term of the Seafarer Employment Agreement (SEA) of each crew must not exceed a total of 11 months onboard the current ship. This applies to:*

1.1. All Malaysia-flagged ship; and

1.2. Any ships in Malaysia water.

2. *Details regarding the extension of **seafarers' documentations** are as follows:*

2.1. Seaman Card (SID)

The existing SID of a seafarer on board a Malaysian ship and Malaysia seafarers' SID, are automatically extended for a period of 3 months from the original expiry date, or until 28 February 2022, whichever is later.

2.2. Medical Examination Certificate (MEC)

The existing MEC of seafarer on board a Malaysian ship and Malaysia seafarers' MEC, are automatically extended for a period of 3 months from the original expiry date, or until 28 February 2022, whichever is later.

2.3. Certificate of Competency (COC)

The COC expiry date of a Malaysian seafarer is automatically extended for a period of 6 months, or until 31 May 2022, whichever is later.

2.4. Certificate of Recognition (COR)

The renewal of COR will be processed in accordance to the original COC/COE period, or according to the COC/COE extension period granted by the issuing country, not exceeding 12 months.

2.5. Sijil Kecekapan Pelaut (COP)

- a) Tarikh sah laku COP pelaut Malaysia dilanjutkan secara automatik untuk tempoh 3 bulan, atau sehingga 28 Februari 2022, yang mana lebih lewat;
- b) Pelanjutan COP adalah tertakluk kepada pelaut Malaysia yang mempunyai jumlah perkhidmatan laut 12 bulan dalam tempoh 5 tahun terakhir, 3 bulan dalam tempoh 6 bulan terakhir, atau pelaut bekerja profesional maritim yang diiktiraf JLM.
- c) Pelaut yang telah dilanjutkan tarikh tamat COP mereka mestilah melakukan kursus pemugaran (*refresher*) dalam tempoh lanjutan tersebut, di mana-mana Institut Latihan Maritim (ILM) yang diluluskan di Malaysia, mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM).

2.6. Perjanjian Anak Kapal Malaysia

Perjanjian Anak Kapal Malaysia sedia ada tidak diberikan sebarang pelanjutan.

2.7. Peperiksaan Pelaut

- a) Keputusan terakhir ujian peperiksaan lisan pelaut Malaysia mempunyai tempoh sah laku sehingga 3 tahun dari tarikh akhir kelulusan;
- b) Keputusan terakhir ujian peperiksaan bertulis pelaut Malaysia mempunyai tempoh sah laku sehingga 5 tahun dari tarikh akhir kelulusan.

2.8. Dokumentasi Lain-Lain

- a) Pemegang COC *not-valid-to-sail* yang tamat tempoh pada tahun 2021, dilanjutkan secara automatik sehingga 31 Disember 2022;
- b) Pemegang Sijil POAC (*Person-In-Overall-Advisory-Control*) yang tamat tempoh pada tahun 2021, dilanjutkan secara automatik sehingga 31 Disember 2022.

2.5. Certificate of Proficiency (COP)

- a) *The COP validity date of a Malaysian seafarer is automatically extended for a period of 3 months, or until 28 February 2022, whichever is later;*
- b) *The COP extension is only subjected to Malaysian seafarer who has a total of 12 months seetime during the preceding 5 years, 3 months seetime during the preceding 6 months, or a seafarer with maritime professional career recognised by MARDEP.*
- c) *Seafarers with an extended COP expiry date shall undergo a refresher course during the extended time period at any approved Maritime Training Institutes (ILM) in Malaysia, complying the guidelines issued by Marine Department Malaysia (MARDEP);*

2.6. Malaysian Crew Article

The existing Malaysian Crew Article will not be extended.

2.7. Seafarers' Examination

- a) *The final result of a Malaysian seafarer oral examination has a validity period of up to 3 years from the last date of approval;*
- b) *The final result of a Malaysian seafarer written examination has a validity period of up to 5 years from the last date of approval.*

2.8. Other Documentations

- a) *COC not-valid-to-sail certificate holders that expire in 2021, are automatically extended until 31 December 2022;*
- b) *POAC (Person-In-Overall-Advisory-Control) certificate holders that expire in 2021, are automatically extended until 31 December 2022.*

3. Keterangan tentang **pendidikan & latihan maritim** pelaut adalah seperti di bawah:

3.1. Kesemua ILM dibenarkan beroperasi secara bersemuka tertakluk atas pematuhan dan keterpakaian arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Pihak Berkuasa Negeri.

3.2. Pelanjutan akreditasi ILM, kriteria pengoperasian ILM dan kaedah Pembelajaran Dalam Talian (PDT) mestilah mematuhi arahan serta garis panduan JLM yang terkini.

3.3. PDT mestilah mematuhi Reg. I/12 Konvensyen Antarabangsa *Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers* (STCW) 1978, serta Section B-I/6 Kod STCW.

4. Mana-mana pelanjutan yang melebihi dari tempoh yang dibenarkan mestilah dipanjangkan secara permohonan berasingan menggunakan borang pengecualian MSN 09/2019 ke Pejabat Laut JLM yang terhampir/berkenaan.

5. Bagi penerangan dan pertanyaan lanjut tentang pelanjutan dokumentasi pelaut dan ILM, sila hubungi:

Pengarah,
Bahagian Kawalan Industri Maritim,
Ibu Pejabat,
Jabatan Laut Malaysia.
bkim@marine.gov.my

6. Bagi penerangan dan pertanyaan lanjut oleh ILM tentang spesifikasi kursus & PDT, sila hubungi:

Pengarah,
Bahagian Pembangunan Perkapalan & Pelaut,
Ibu Pejabat,
Jabatan Laut Malaysia.
bppp@marine.gov.my

3. *Details of the **maritime education & training** of seafarers are as follows:*

3.1. *All ILMs are allowed to operate physically, subject to the compliance and application of the instructions by the National Security Council (MKN) and the State Authority.*

3.2. *Extension of ILM accreditation, ILM operational criteria and Online Learning (PDT) methods must comply with the latest MARDEP instructions and guidelines.*

3.3. *PDT must comply with Reg. I/12 of the International Convention of Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers (STCW) 1978, as well as Section B-I/6 of the STCW Code.*

4. *Any extension beyond the allowable period must be submitted through a case-by-case application using the MSN 09/2019 exemption form to the nearest/related MARDEP Marine Office.*

5. *For further information and inquiries on the seafarer documentation extension and ILM, please contact:*

Director,
*Maritime Industry Control Division,
Marine Headquarters,
Marine Department Malaysia.
bkim@marine.gov.my*

6. *For further information and inquiries by ILM on the PDT Online Learning and course specifications, please contact:*

Director,
*Shipping & Seafarer Development
Division,
Marine Headquarters,
Marine Department Malaysia.
bppp@marine.gov.my*